

B 8075 DEB
MAHATHIR - ASING

ALOR SETAR, 23 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN RAKYAT BERHATI-HATI TERHADAP USAHA BEBERAPA AKHBAR DAN MAJALAH LUAR NEGERI YANG BERSUBAHAT SAMA SAMA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK DENGAN PARTI PEMBANGKANG UNTUK MENJATUHKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

KATANYA, GOLONGAN INI MENGGUNA BEBERAPA CARA TERMASUK MENYIARKAN RENCANA YANG MENGHENTAM DAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN BN DENGAN HARAPAN BN GAGAL MENGEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA.

KETIKA BERUCAP KEPADA ANGGOTA DAN PENYOKONG BN DI IBU PEJABAT UMNO DI BANGUNAN TUNKU DI SINI, BELIAU BERKATA, SEBAHAGIAN BESAR MAJALAH DAN AKHBAR ITU ADALAH DIMILIKI OLEH ORANG YAHUDI DAN ZIONIS YANG MEMANG DIKETAHUI TIDAK SUKA KEPADA BN.

+AKHBAR-AKHBAR DAN MEDIA ASING ITU LEBIH SUKA MELIHAT BN LUMPUH KERANA DENGAN CARA ITU SAHAJA ORANG YAHUDI DAN ZIONIS DAPAT MENGUASAI NEGARA INI,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU, ANTARA PARTI PEMBANGKANG YANG AKAN MENDAPAT +FAEDAH+ DARIPADA USAHA JAHAT PIHAK YAHUDI DAN ZIONIS ITU IALAH SEBUAH PARTI ISLAM. BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYEBUT NAMA PARTI ITU. -- LAGI

2254MST 23 07 86

D644

B 8078 BAH
MAHATHIR - ASING 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI PETANG INI UNTUK MENYERAHKAN KERTAS PENCALONAN BAGI MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DI PEJABAT DAERAH JITRA ESOK.

BELIAU BERKATA, JIKA PAS BERKATA IA TIDAK TAHU AKAN USAHA PIHAK YAHUDI DAN ZIONIS ITU, HAKIKATNYA, APA YANG BERLAKU AKAN MERUGIKAN ISLAM SENDIRI.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA SEBUAH AKHBAR TELAH MENULIS RENCANA MENGENAI PERKAHWINAN ANAKNYA YANG BERMaksud JAHAT MENUNJUKKAN SEOLAH-OLAH BELIAU MELAKUKAN PEMBAZIRAN DENGAN MELANGSUNGKAN ACARA PERKAHWINAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ADALAH MENJADI PERKARA BIASA BAGI RAKYAT NEGARA INI MENJEMPUT SEBERAPA RAMAI SAHABAT MENGHADIRI PERKAHWINAN ANAK MASING-MASING DAN APA YANG BELIAU LAKUKAN MENJEMPUT RAMAI SAHABAT HANDAI TERMASUK ANGGOTA PARTI KOMPONEN BN SELARAS DENGAN AMALAN ITU.

KATANYA, SEDANGKAN SEMASA PERHIMPUNAN PERWAKILAN UMNO TAHUN LEPAS, RAMAI KALANGAN PERWAKILAN UMNO KESAL KERANA MEREKA TIDAK DIUNDANG MENGHADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ITU. -- LAGI

2259MST 23 07 86

B 8079 BAH
MAHATHIR - ASING 3 ALOR SETAR

MENGENAI PARTI-PARTI PEMBANGKANG DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN DAN PRESIDEN UMNO BERKATA, BN TIDAK GENTAR DENGAN KEHADIRAN MEREKA PADA PILIHANRAYA UMUM INI KERANA BN SELAMA INI TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA MEWUJUDKAN PENTADBIRAN YANG ADIL KEPADA RAKYAT TANPA MENGIRA KAUM DAN AGAMA.

BARISAN PEMBANGKANG DAN MAJLIS PERUNDINGAN CINA (CCC), KEDUA-DUANYA YANG DITAJA OLEH PAS, TIDAK AKAN DAPAT MENANDINGI BN KERANA IA DIWUJUDKAN SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DAN BUKAN RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, PUCUK PIMPINAN BARU PAS SANGGUP BERBOHONG APA SAHAJA ASALKAN MEMENUHI KEPENTINGAN POLITIKNYA.

BELIAU MEYIFATKAN BARISAN PEMBANGKANG SEBAGAI +BARISAN GIGI YANG RONGGAK+ SEDANGKAN BN BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI +BARISAN GIGI YANG KUAT DAN KUKUH TETAPI PUTIH BERSERI+.

BELIAU YAKIN BARISAN PEMBANGKANG AKAN HANCUR KERANA PADA MASA INIPUN MEREKA SEDANG BERPERANG DAN MENGGUNAKAN SESAMA SENDIRI BAGI KEPENTINGAN POLITIK MASING-MASING. -- LAGI

2301MST 23 07 86

B 8081 BAH
MAHATHIR - ASING 4 ALOR SETAR

MENGENAI DAP, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, URA-URANYA UNTUK MENGADAKAN PAKATAN KHAS HANYA DENGAN PAS BUKANLAH SATU PERKARA BARU KERANA PADA PILIHAN-PILIHANRAYA LEPAS PUN MEREKA TELAH MENGADAKAN PAKATAN SEUMPAMA ITU.

+DAHULU MEREKA HANYA BERANI BERBUAT SECARA SEMBUNYI TETAPI SEKARANG BERANI MENYEBUT TERANG-TERANGAN. BAGAIMANAPUN INI BUKANLAH SESUATU YANG BARU,+ KATA BELIAU.

MENGENAI ISU-ISU YANG MUNGKIN DIBANGKITKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA, IA HANYALAH +TONG-TONG KOSONG+.

BELIAU BERPENDAPAT PEMBANGKANG AKAN MENIMBULKAN ISU KEMELESETAN EKONOMI, KEJATUHAN HARGA KOMODITI UTAMA DAN PENGANGGURAN TETAPI KERAJAAN TELAH, SEDANG DAN AKAN TERUS MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS UNTUK MENGATASINYA BAGI FAEDAH RAKYAT.

MENTERI BESAR DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF YANG DIPILIH SEMULA MEMPERTAHANKAN KERUSI NEGERI JITRA, DAN BAKAL-BAKAL CALON BN PERINGKAT NEGERI DAN PARLIMEN BAGI KEDAH HADIR PADA PERJUMPAAN ITU.

-- BERNAMA

2306MST 23 07 86